

## **20% Cash Back on Petrol with PB Mastercard Credit Card Terms and Conditions**

### **Campaign Period**

1. The Campaign is valid from 1 February to 30 April 2024 (“Campaign Period”).

### **Eligibility**

2. The Campaign is open to all Public Bank (PB) Mastercard Credit Cardmembers and Public Islamic Bank (PIB) Mastercard Credit Cardmembers, including employees of the Public Bank Group, PB Subsidiaries, PB’s advertising agencies and their immediate families (“PB Cardmember”).

### **Definitions**

3. “**Petrol Transaction**” shall include all transactions at Petrol Station in Malaysia that fall under Merchant Category Code (MCC) 5541 and 5542, excluding Setel transaction.
4. “**Retail Spend**” shall include all petrol transactions, retail and online purchases, new Zero Interest/Management Fee Instalment Plan full purchase amount (not monthly instalment), excluding flexipay monthly instalment, balance transfer, auto-debit, recurring payments, payments for utilities, direct marketing, insurance premiums, government related payments, payment via www.pbekbank.com and ATM, cash advance/cash withdrawal, quasi cash, casino transaction, interest payments, late payment fees, finance charges, management fee, annual fees, reversals, payment to charity(ies) and any form of service/miscellaneous fees.

### **Participation Criteria**

5. To participate in this Campaign, Principal PB Cardmember is required to perform ONE (1) time online registration via PBe **OR** Short Message Service (SMS) registration during the Campaign Period in the following manner: -

a) **Online registration via PBe** using Contest Key Word: **PBM**

**OR**

b) **SMS registration** by entering “**PBM**” and send to 66300 (Example: PBM to 66300)

**For the avoidance of doubt, any registration using Supplementary Cardmembers’ mobile phone number shall not be accepted and shall be voided.**

6. Principal PB Cardmember must register his/her participation for the Campaign using the mobile phone number that is registered with the Bank. In the event the mobile phone number or information provided by the Principal PB Cardmember during the registration process does not match with Public Bank database, Public Bank reserves the right to reject the said registration.

7. Principal PB Cardmember with multiple credit cards is required to register only once and thereafter, the amounts charged on all other credit cards and the supplementary card(s) shall be automatically tracked for the purpose of tabulation of the Petrol Transaction and Retail Spend.
  - a) Petrol Transaction and Retail Spend made by a Supplementary Cardmember shall be aggregated with the Principal PB Cardmember and will be considered as Principal PB Cardmember's Qualified Spend;
  - b) The Cash Back payment will only be credited into the Principal PB Cardmember's credit card account.
8. Principal PB Cardmember is responsible to ensure that the registration details are complete, accurate and sent during Campaign Period. Proof of SMS sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
9. Principal PB Cardmember who successfully registers for the Campaign will receive an SMS confirmation from the Bank (applicable for registration via SMS only) or an acknowledgement of registration (applicable for online registration only). A standard normal Telecommunication Operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the Principal PB Cardmember.
10. In the event the SMS is incomplete/invalid, an outgoing SMS will be sent to the Principal PB Cardmember, at no cost, to inform him/her to re-register via SMS.
11. The Bank will not be held responsible and reserves the absolute discretion to disqualify any registration due to duplicate entries, incomplete/inaccurate details, late entries, error message, unsuccessful registration due to network failure and/or interruption experienced by a Telecommunication Operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.
12. If the date and time of a successful SMS/Online registration or transaction date and time captured in the Bank's system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank's system date and time shall prevail.

**Campaign Mechanic**

13. The 20% Cash Back to be rewarded is based on **Petrol Transaction** with minimum accumulated Retail Spend of RM2,000 per month.

Minimum Accumulated Retail Spend Per Month	Cash Back On Petrol Transaction
RM2,000	20%

14. PB Cardmember is entitled to a maximum Cash Back of RM50 per Participating Month and RM150 throughout the Campaign Period, subject to the Cash Back allocation on a first-come, first-served basis.

**Cash Back Allocation**

15. The total Cash Back allocation for this campaign is capped at RM30,000 per Participating Month and RM90,000 throughout the Campaign period as follows: -

Participating Month	Period	Cash Back Allocation (RM)
Month 1	1 – 29 February 2024	30,000
Month 2	1 – 31 March 2024	30,000
Month 3	1 – 30 April 2024	30,000
Total		90,000

16. The Cash Back payment earned by the PB Cardmember shall be tracked in the following manner:

-

SMS/Online Registration Received in a Month			
	Month 1	Month 2	Month 3
Petrol Transaction and Retail Spend in each Tracking Month			
Month 1	√	√	√
Month 2	–	√	√
Month 3	–	–	√

17. PB Cardmember successfully registered via SMS/Online on Month 1 of the Campaign Period will has his/her Petrol Transaction and Retail Spend being tracked for the Month 1, and thereafter till the end of the Campaign Period.
18. The tracking of Petrol Transaction and Retail Spend shall be based on transaction dates.
19. The following is an example on the calculation of Cash Back for Petrol Transaction.

Example: - PB Cardmember A

Participating Month	Petrol Transaction (RM)	Minimum Accumulated Retail Spend per Month (RM)	Cash Back on Petrol Transaction
Month 1	RM150	RM2,000	RM30 (RM150 x 20%)
Month 2	RM150	RM1,000	Not Eligible (Failed to meet minimum accumulated retail spend of RM2,000 per month)
Month 3	RM300	RM2,000	RM50 (Capped at RM50 per participating month)

20. The Cash Back payment will be credited to the Principal PB Cardmember's credit card account within FOUR (4) to TWELVE (12) weeks after the end of Campaign Period and upon fulfilment of all terms and conditions listed.
21. In the event that after the Cash Back payment is credited into the Principal PB Cardmember's credit card account, there is a reversal of entry made on the Petrol Transaction and Retail Spend, the PB Cardmember is required to reimburse the Bank the entire Cash Back payment credited into his account.
22. The Cash Back is non-transferable to any 3rd party and is non-exchangeable for upfront cash or kind.
23. The Cash Back payment will be in addition to Cash MegaBonus rewards and/or the Reward Points/Cash Back due to the PB Cardmember, if any.
24. PB Cardmember who participate in this Campaign during the Campaign Period will not be eligible for other PB Credit Card/PIB Credit Card-i Usage Offers. All transactions made by PB Cardmember who participate in this campaign during the Campaign Period will be excluded from other ongoing PB Credit Card/PIB Credit Card-i Usage Offers.
25. Should there be any questions or queries on the Campaign, please contact PB Card Services & Support at 03-2170 8000.

## **General Terms and Conditions**

1. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty-one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).
2. By participating in this Campaign, the PB Cardmember: -
  - a) shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by these Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained;
  - b) agrees and consents that information regarding him/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign;
  - c) agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries or protests will be entertained.
3. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the PB Cardmember to any claim or compensation against the Bank for any and all loss or damage suffered or incurred by the PB Cardmember as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
4. The Bank shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or whatsoever suffered by the PB Cardmember caused directly or indirectly, in whole or in part, from his/her participation in the Campaign as a result of any act or omission on the part of the Bank.
5. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Participant's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "20% Cash Back on Petrol with PB Mastercard Credit Card".
6. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

---

**END**

---

## TRANSLATION

### **Pulangan Tunai sebanyak 20% untuk Petrol dengan Kad Kredit Mastercard PB Terma dan Syarat**

#### **Tempoh Kempen**

1. Kempen ini sah dari 1 Februari hingga 30 April 2024 (“Tempoh Kempen”).

#### **Kelayakan**

2. Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Mastercard Public Bank (PB) dan Ahli Kad Kredit Mastercard Public Islamic Bank (PIB), termasuk kakitangan Kumpulan Public Bank, Subsidiari PB, agensi pengiklanan PB dan ahli keluarga terdekat masing-masing (“Ahli Kad PB”).

#### **Takrifan**

3. “**Urus niaga Petrol**” hendaklah termasuk semua urus niaga di Stesen Petrol di Malaysia di bawah Kod Kategori Saudagar (MCC) 5541 dan 5542, tidak termasuk urus niaga Setel.
4. “**Perbelanjaan Runcit**” hendaklah termasuk semua urus niaga petrol, pembelian runcit dan dalam talian, amaun pembelian penuh Pelan Ansuran Faedah/Fi Pengurusan Sifar baharu (bukan ansuran bulanan), tidak termasuk ansuran bulanan bayaran fleksibel, pindahan baki, debit auto, bayaran berulang, bayaran untuk utiliti, pemasaran terus, premium insurans, bayaran berkaitan dengan kerajaan, bayaran melalui www.pbebank.com dan ATM, pendahuluan tunai/pengeluaran tunai, tunai sebahagian, urus niaga kasino, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj kewangan, fi pengurusan, fi tahunan, kebalikan, bayaran kepada badan kebajikan atau apa-apa bentuk fi perkhidmatan/rencam.

#### **Kriteria Penyertaan**

5. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad Utama PB dikehendaki melakukan SATU (1) kali pendaftaran dalam talian melalui PBe **ATAU** pendaftaran Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) semasa Tempoh Kempen mengikut cara yang berikut: -

a) **Pendaftaran Dalam Talian melalui PBe** menggunakan Kata Kunci Peraduan: **PBM**

**ATAU**

b) **Pendaftaran melalui SMS** dengan memasukkan “**PBM**” dan hantar ke 66300 (Misalnya: PBM ke 66300)

**Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pendaftaran menggunakan nombor telefon mudah alih Ahli Kad Tambahan tidak akan diterima dan adalah terbatal.**

6. Ahli Kad Utama PB dikehendaki mendaftar penyertaannya untuk Kempen ini menggunakan nombor telefon mudah alih yang didaftarkan dengan Bank. Sekiranya nombor telefon mudah alih atau maklumat yang diberikan oleh Ahli Kad Utama PB semasa proses pendaftaran tidak sama dengan data dalam rekod Public Bank, Public Bank berhak untuk menolak pendaftaran tersebut.
7. Ahli Kad Utama PB yang mempunyai beberapa kad kredit dikehendaki mendaftar sekali sahaja dan selepas itu, amaun yang dicaj bagi kesemua kad kredit dan kad tambahan lain secara automatik akan dikesan bagi tujuan pengiraan Urus niaga Petrol dan Perbelanjaan Runcit.
  - a) Urus niaga Petrol dan Perbelanjaan Runcit yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan akan digabungkan dengan urus niaga Ahli Kad Utama PB dan akan dianggap sebagai Perbelanjaan yang Layak oleh Ahli Kad Utama PB;
  - b) Bayaran Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad Utama PB.
8. Ahli Kad Utama PB bertanggungjawab untuk memastikan butiran pendaftaran adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti penghantaran SMS bukanlah merupakan pengesahan penerimaan oleh Bank.
9. Ahli Kad Utama PB yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengesahan SMS daripada Bank (diterima pakai untuk pendaftaran melalui SMS sahaja) atau pengesahan pendaftaran (diterima pakai untuk pendaftaran dalam talian sahaja). Caj Pengendali Telekomunikasi biasa dikenakan ke atas setiap pendaftaran SMS dan akan dibayar sepenuhnya oleh Ahli Kad Utama PB.
10. Sekiranya SMS tersebut tidak lengkap/tidak sah, SMS balas akan dihantar kepada Ahli Kad Utama PB, secara percuma, untuk memaklumkan kepada beliau untuk mendaftar semula melalui SMS.
11. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan dan mempunyai hak mutlak untuk tidak melayakkan mana-mana pendaftaran disebabkan penyertaan serupa yang dihantar dua kali, butiran yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya disebabkan oleh kegagalan sistem dan/atau gangguan yang dialami oleh Pengendali Telekomunikasi atau atas apa jua sebab yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlakny.
12. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran SMS/Dalam Talian yang berjaya dibuat atau tarikh dan waktu urus niaga yang dirakam dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai masa pendaftaran tersebut dibuat, tarikh dan waktu dalam sistem Bank akan diterima pakai.

### **Mekanisme Kempen**

13. Pulangan Tunai sebanyak 20% akan diberikan berdasarkan **Urus niaga Petrol** dengan Perbelanjaan Runcit terkumpul minimum sebanyak RM2,000 sebulan.

Perbelanjaan Runcit Terkumpul Minimum Sebulan	Pulangan Tunai untuk Urus niaga Petrol
RM2,000	20%

14. Ahli Kad PB layak untuk Pulangan Tunai maksimum sebanyak RM50 setiap Bulan Berlangsungnya Kempen dan RM150 sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk pada peruntukan Pulangan Tunai atas dasar siapa cepat, dia dapat.

**Peruntukan Pulangan Tunai**

15. Peruntukan Pulangan Tunai untuk Kempen ini dihadkan pada RM30,000 setiap Bulan Berlangsungnya Kempen dan RM90,000 sepanjang Tempoh Kempen seperti yang berikut: -

Bulan Berlangsungnya Kempen	Tempoh	Peruntukan Pulangan Tunai (RM)
Bulan Pertama	1 – 29 Februari 2024	30,000
Bulan ke-2	1 – 31 Mac 2024	30,000
Bulan ke-3	1 – 30 April 2024	30,000
Jumlah		90,000

16. Bayaran Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Ahli Kad PB akan dikesan melalui cara yang berikut:-

Pendaftaran melalui SMS/Dalam Talian yang Diterima dalam Sebulan			
	Bulan Pertama	Bulan ke-2	Bulan ke-3
Urus niaga Petrol dan Perbelanjaan Runcit dalam setiap Bulan yang Dikesan			
Bulan Pertama	√	√	√
Bulan ke-2	–	√	√
Bulan ke-3	–	–	√

17. Ahli Kad PB yang berjaya mendaftar melalui SMS/Dalam Talian pada Bulan Pertama dalam Tempoh Kempen akan dikesan Urus niaga Petrol dan Perbelanjaan Runcitnya untuk Bulan Pertama dan seterusnya sehingga akhir Tempoh Kempen.

18. Pengesanan Urus niaga Petrol dan Perbelanjaan Runcit adalah berdasarkan tarikh urus niaga.



19. Contoh kiraan Pulangan Tunai untuk Urus niaga Petrol adalah seperti yang berikut.

Contoh: - Ahli Kad PB A

Bulan Berlangsungnya Kempen	Urus niaga Petrol (RM)	Perbelanjaan Runcit Terkumpul Minimum Sebulan (RM)	Pulangan Tunai untuk Urus niaga Petrol
Bulan Pertama	RM150	RM2,000	RM30 (RM150 x 20%)
Bulan ke-2	RM150	RM1,000	Tidak Layak (Tidak mencapai perbelanjaan runcit terkumpul minimum sebanyak RM2,000 sebulan)
Bulan ke-3	RM300	RM2,000	RM50 (Dihadkan pada RM50 setiap bulan berlangsungnya Kempen)

20. Bayaran Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad Utama PB dalam tempoh EMPAT (4) hingga DUA BELAS (12) minggu selepas akhir Tempoh Kempen dan apabila semua terma dan syarat yang disenaraikan dipatuhi.
21. Sekiranya selepas bayaran Pulangan Tunai dikreditkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad Utama PB, berlaku penarikan balik entri bagi mana-mana Urus niaga Petrol dan Perbelanjaan Runcit, Ahli Kad PB dikehendaki membayar balik kepada Bank keseluruhan bayaran Pulangan Tunai yang dikreditkan dalam akaun beliau.
22. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai pendahuluan atau barang.
23. Bayaran Pulangan Tunai adalah tambahan kepada ganjaran MegaBonus Tunai dan/atau Mata Ganjaran/Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Ahli Kad PB, jika ada.
24. Ahli Kad PB yang mengambil bahagian dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Tawaran Penggunaan Kad Kredit PB/Kad Kredit-i PIB yang lain. Semua urus niaga yang dibuat oleh Ahli Kad PB yang mengambil bahagian dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen akan dikecualikan daripada Tawaran Penggunaan Kad Kredit PB/Kad Kredit-i PIB lain yang sedang berlangsung.
25. Sekiranya terdapat apa-apa soalan atau pertanyaan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Kad PB dan Sokongan melalui 03-2170 8000.

## **Terma dan Syarat Am**

1. Bank berhak untuk mengubah, meminda, memotong atau membuat penambahan kepada Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan, pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut yang akan dipaparkan melalui laman web Bank [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).
2. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad PB:-
  - a) dianggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam ini. Keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani;
  - b) bersetuju dan memberi kebenaran bahawa maklumat tentang beliau boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini;
  - c) bersetuju bahawa keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif serta tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.
3. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen oleh Bank tidak melayakkan Ahli Kad PB untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi apa-apa dan kesemua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad PB diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan tersebut.
4. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, atas apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa jua pun yang dialami oleh Ahli Kad PB yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, berikutan penyertaan beliau dalam Kempen ini disebabkan oleh apa-apa tindakan atau ketertinggalan oleh Bank.
5. Terma dan Syarat dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Peserta. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan “Pulangan Tunai Sebanyak 20% untuk Petrol dengan Kad Kredit Mastercard PB”.
6. Jika terdapat pertikaian, percanggahan atau keberlainan dalam terma dan syarat versi Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

---

**TAMAT**